

10 MAY 1996

PM LANCAR YAYASAN WANGSAMAJU

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini melancarkan Yayasan WangsaMaju yang bertujuan menjadikan penduduk Wangsa Maju di sini sebuah masyarakat contoh menjelang abad ke-21.

Yayasan itu akan berusaha mengangkat darjat dan martabat orang Melayu di bandar supaya setanding dengan kaum lain melalui penglibatan ekonomi, pendidikan dan kegiatan kemasyarakatan yang menyeluruh dan seimbang.

Projek pertama yayasan itu ialah projek rangkaian komputer sekolah-sekolah Wangsa Maju (Wangsnet) yang melibatkan pemberian 65 buah komputer Multi-media kepada sekolah-sekolah menengah dan rendah, sekolah swasta dan sekolah untuk orang cacat penglihatan di kawasan Wangsa Maju.

Ia sekali gus memulakan projek perpustakaan multi-media bergerak yang melibatkan enam komputer multi-media dan sebuah Internet Server untuk memberi perkhidmatan di kawasan-kawasan rumah pangsa dan kawasan setinggan.

Yayasan itu dipengerusikan Datuk Dr Kamal Salih yang juga anggota Parlimen Wangsa Maju dan Ketua Umno Bahagian itu. -- BERNAMA

AFY NMO